

# Jualan Dinamik dijangka hingga 1,000 unit sebulan

UM 23 OCT 2003  
Oleh DALIZA ARIFFIN

GURUN 22 Okt — Modenas Dinamik, motosikal cub dua lejang yang baru dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada pertengahan Ogos lalu dijangka mencatat jualan antara 800 hingga 1,000 unit sebulan bermula bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Edaran Modenas (EMOS), Nik Danial Nik Mahmood berkata, jualan itu mampu dicapai kerana hanya terdapat sebuah syarikat pesaing yang terbabit dalam pengeluaran produk yang sama dalam segmen motosikal tersebut.

Syarikat itu mencatat jual-

an antara 20,000 hingga 24,000 setahun, sejak lima tahun lalu.

“Kami yakin Modenas kini mampu bersaing dalam pasaran tersebut dan memberi pulangan lumayan kepada syarikat pada masa depan,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau memberitahu Modenas Dinamik akan berada di pasaran Isnin depan dan dijual pada harga RM5,998 sebuah.

Dalam masa yang sama, jelasnya, Modenas Dinamik akan mencatat jualan yang lebih baik pada masa akan datang berbanding pesaingnya dalam segmen yang sama kerana harganya yang lebih

murah di samping kualitasnya yang tinggi.

Nik Danial memberitahu Modenas Dinamik merupakan produk kerjasama antara Modenas dan Kawasaki.

Projek kerjasama yang dimulakan pada awal tahun 2002 itu membabitkan pelaburan lebih daripada RM5 juta dan kebanyakan daripada pelaburan itu diperuntukkan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Jelasnya lagi, motosikal cub dua lejang dengan 120 c.c. itu buat permulaan ini menggunakan 40 peratus komponen tempatan dan kadar peratusan komponen tersebut akan terus meningkat dalam tempoh setahun akan datang.